

B689  
MAHATHIR - PERNIAGAAN

OLEH AHMAT ABDUL WAHAB

1981

PORT DICKSON, 3 DIS. (BERNAMA)-- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MENGUMUMKAN SATU DASAR BARU UNTUK MEMBANTU PARA PENIAGA BUMIPUTERA KHUSUSNYA MEREKA YANG MENJADI ANGGOTA DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MELAYU MALAYSIA DALAM MEREbut PELUANG - PELUANG YANG DISEDIAKAN OLEH KERAJAAN.

PERDANA MENTERI BERKATA DI BAWAH DASAR BARU ITU KERAJAAN AKAN MEMBERI LEBIH BANYAK PENEKANAN KEPADA PARA PENIAGA YANG MENJADI ANGGOTA DEWAN ITU DALAM MEMPROSES PERMOHONAN-PERMOHONAN.

BELIAU BERKATA DALAM MELAKSANAKAN DASAR BARU INI PARA PEGAWAI KERAJAAN AKAN DIARAH SUPAYA MENELITI SEMUA PERMOHONAN DARIPADA PENIAGA BUMIPUTERA UNTUK MEMASTIKAN PARA ANGGOTA DEWAN DIBERI KE-UTAMAAN.

KATANYA KEANGGOTAAN DALAM DEWAN ITU AKAN MENJADI FAKTOR PENEN-  
TUAN JIKA PARA PENIAGA BUMIPUTERA MASING-MASING MEMENUHI SYARAT-  
SYARAT YANG DITETAPKAN.

DASAR BARU INI PERLU DIADAKAN BAGI MENDORONG LEBIH RAMAI PENIAGA BUMIPUTERA MENYERTAI DEWAN TERSEBUT SUPAYA IA DAPAT LEBIH MAJU. TEGAS BELIAU DI MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM DEWAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN MELAYU MALAYSIA DI SINI MALAM INI.

--BERSAMBUNG 0010/AH

B689  
MAHATHIR - PERNIAGAAN 2 PORT DICKSON

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYERU PARA PENIAGA BUMIPUTERA SUPAYA MENEROKAI BIDANG-BIDANG PERNIAGAAN YANG BARU DAN JANGAN HANYA TERTUMPU KEPADA YANG POPULAR SAHAJA.

KATANYA MEREKA PERLU MEMBAHAGI-BAHAGIKAN MINAT MEREKA KE BIDANG-BIDANG PERNIAGAAN YANG LAIN SUPAYA PENYERTAAN BUMIPUTERA DALAM SEGALA PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN AKAN DAPAT DIPERTINGKATKAN LAGI.

BELIAU BERKATA UNTUK MEMBANTU PARA PENGUSAHA BUMIPUTERA MENYERTAI BIDANG-BIDANG BARU KERAJAAN AKAN MENGENALPASTIKAN KENIS-  
JENIS PERNIAGAAN YANG BARU UNTUK MEREKA MENCEBURI.

PERDANA MENTERI BERKATA WALAUPUN BELIAU BERPUASHATI DENGAN KEMAJUAN PARA PENIAGA BUMIPUTERA, TETAPI MASIH TERDAPAT KELEMAHAN IAITU DALAM BIDANG KECEKAPAN PENGURUSAN.

KATANYA KELEMAHAN INI MENJADI LEBIH BERAT KERANA TIDAK RAMAI PENGUSAHA BUMIPUTERA YANG BERUSAHA MENINGKATKAN KECEKAPAN PENGURUSAN MEREKA. INI ANTARA LAIN DISEBABKAN MEREKA TIDAK MEMPUNYAI MASA UNTUK MENYERTAI KURSUS-KURSUS PENGURUSAN.

BAGI MEMUDAHKAN BUMIPUTERA MENYERTAI KURSUS-KURSUS TERSEBUT BELIAU MENGUMUMKAN KERAJAAN AKAN MEMBERI BANTUAN KHAS UNTUK MEM-  
BOLEHKAN MEREKA BERBUAT DEMIKIAN. --BERSAMBUNG 0022/AH

B690

MAHATHIR - PERNIAGAAN 3 PORT DICKSON

SEBELUM ITU, MENTERI BESAR NEGRI SEMBILAN DATUK RAIS YATIM MEMBERI JAMINAN AKAN TERUS BERUSAHA MEWUJUDKAN LEBIH BANYAK KEMUDAHAN DAN SUASANA PERNIAGAAN UNTUK MEMBOLEHKAN PARA PENGUSAHA BUMIPUTERA BERGERAK LEBIH MAJU LAGI.

KATANYA DISAMPING ITU KERAJAAN NEGERI AKAN MENANAMKAN SEMANGAT PERJUANGAN DI KALANGAN PARA PEGAWAINYA SUPAYA TERUS MEMBANTU PARA PENGUSAHA BUMIPUTERA.

BELIAU JUGA MENYEBUT BETAPA PERLUNYA USAHA-USAHA LEBIH GIGIH DIJALANKAN UNTUK MELAHIRKAN PARA PEKERJA MAHIR DAN SEPARUH MAHIR DIKALANGAN BUMIPUTERA.

TURUT SAMA JALAH DATIN SERI DR. SITI HASMAH, ISTERI MENTERI BESAR DATIN MAZNAH DAN YANG DIPERTUA DEWAN TERSEBUT TAN SRI KAMARUL ARIFFIN. --BERNAMA 0030/AH